

Perdagangan, Pelanchongan, Perlombongan dan Pembenaan

I.—PENDAHULUAN

509. Sektor perdagangan, yang meliputi perniagaan² borong dan runchit, urusan bank, insuran dan urusan yang berthabit dengan harta rumah dan tanah, menyumbangkan kira² 17% daripada KDNK dan kira² 12% daripada jumlah pekerjaan. Perusahaan pengeluaran chara besar²an dan moden memainkan peranan yang penting dalam sektor ini. Sementara itu, sa-bahagian besar dari sektor ini terdiri daripada peniaga² runchit, pembahagi² dan penjaja² yang menggunakan pekerja² yang banyak, tetapi kebanyakan dari mereka menerima pendapatan yang rendah. Jumlah keluaran di-lapangan ini telah bertambah dengan kadar lebeh chepat daripada tambahan penduduk dalam beberapa tahun yang lalu.

510. Perlombongan dan pembenaan menyumbangkan kira² 10% daripada KDNK dan kira² 6% daripada jumlah pekerjaan. Sumbangan lapangan perlombongan dari segi keluaran negara dan gunatenaga telah berkurangan. Masa hadapan perusahaan ini bergantung kepada hasil² penyelidekan di-darat dan di-laut yang sedang di-jalankan. Nilai tambahan dalam lapangan pembenaan bertambah kurang chepat daripada KDNK dalam Rancangan Malaysia Pertama tetapi lapangan ini akan berkembang dengan lebeh chepat dalam tahun² 1971-75 oleh kerana tingkat pelaboran yang di-jangka ada-lah lebeh tinggi.

511. Perkembangan sektor² ini di-masa hadapan, terutama sekali di-lapangan perdagangan dan pembenaan, ada-lah mustahak untok menchapai matlamat² membasmi kemiskinan, mengadakan pekerjaan dan menyusun sa-mula masharakat untok mengurangkan jurang perbezaan ekonomi. Lapangan perdagangan akan di-beri perhatian yang istimewa supaya chorak hak milek dan pengurusan, gunatenaga dan pembahagian pendapatan menjadi unсор² yang penting bagi menggalakkan perpaduan negara.

II.—PERDAGANGAN

512. Sektor ekonomi ini mengandungi kegiatan² yang lebeh menggunakan tenaga buroh, senang di-pengarohi oleh unsor² moden, dan kebanyakannya terletak di-bandar². Dengan hal yang demikian, lapangan ini mempunyai satu peranan yang mustahak bagi menchapai matlamat² Ranchangan Malaysia Kedua.

1. KEMAJUAN DI-AKHIR² INI

513. Dalam tahun² enam-pulohan, nilai tambahan perdagangan di-Malaysia Barat telah berkembang dengan kadar purata sa-banyak 5.7% sa-tahun, ia-itu satu kadar yang tinggi sedikit daripada KDNK. Kadar kemajuan bidang ini dalam tempoh 1961-65 ada-lah lebeh tinggi (6.4%) daripada perkembangan dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama (4.9%). Satu daripada kegiatan² di-sektor ini, ia-itu perniagaan borong dan runchit, telah berkembang dengan kadar 4% sa-tahun dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama, sementara urusan bank dan kewangan telah berkembang lebeh daripada dua kali. Dalam tahun 1970, jumlah pekerjaan di-sektor perdagangan ada-lah sa-banyak 340,000, ia-itu kira² 12% daripada jumlah tenaga buroh. Jumlah pekerjaan telah bertambah dengan kadar purata sa-banyak 3.4% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan Pertama (*lihat* Jadual 11-1).

514. Di-Malaysia Timor, perkembangan purata lapangan ini dalam tempoh 1967-70 ia-lah 11.6% sa-tahun, ia-itu lebeh tinggi daripada kadar perkembangan KDNK sa-banyak 9% sa-tahun di-wilayah ini. Jumlah pekerjaan di-lapangan ini mungkin telah berkembang kira² 8% hingga 9% sa-tahun.

515. Perniagaan borong ada-lah terdiri daripada satu bilangan kechil perusahaan² besar yang menyumbangkan sa-bahagian besar daripada nilai tambahan. Sebalek-nya, perniagaan runchit mempunyai ramai peniaga²-nya dan menyumbangkan sa-bahagian besar dari jumlah pekerjaan. Perniagaan runchit ini terdiri daripada perusahaan² kechil kepunyaan keluarga, dan kebanyakannya di-punyaï dan di-uruskan oleh orang² bukan Melayu. Penyertaan orang² Melayu ada-lah sedikit. Di-Malaysia Barat dalam tahun 1969, modal saham yang di-mileki oleh orang² Melayu dalam sharikat² perniagaan ada-lah kurang daripada 1%, sementara kaum² lain sa-banyak 51.7% dan orang² bukan warganegara Malaysia sa-banyak 47.6%. Penyertaan orang² Melayu ada-lah sangat kechil di-bidang perniagaan borong dan urusan² bank dan kewangan; orang² asing ada-lah menguasai lapangan perniagaan borong dan mempunyai lebeh daripada

separoh modal saham di-lapangan urusan bank dan kewangan. Kaum² bukan Melayu mempunyai kira² 40% daripada modal saham di-bidang urusan bank dan kewangan, dan kira² satu perempat di-bidang perniagaan borong.

JADUAL 11-1

PENGELUARAN DAN JUMLAH PEKERJAAN DI-BIDANG
PERDAGANGAN, MALAYSIA BARAT, 1960-70

					<i>Nilai tambahan</i> (\$ juta)	<i>Jumlah pekerjaan*</i> (000)
1960	813	—
1961	849	—
1962	889	—
1963	969	—
1964	1,033	—
1965	1,108	287
1966	1,175	—
1967	1,195	—
1968	1,272	—
1969	1,319	—
1970	1,409	340
<i>1966-70:</i>						
Kadar tambahan purata tahun-						
an (%)	4.9	3.4
Jumlah tambahan			301	53

2. MATLAMAT² PENGELUARAN DAN PEKERJAAN, 1971-75

516. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua nilai tambahan di-bidang perdagangan akan berkembang sa-jajar dengan perkembangan ekonomi pada keseluruhannya. KDNK di-Malaysia Barat di-jangka akan bertambah dengan kadar purata sa-banyak 6.9% sa-tahun mengikut harga² sa-masa, dan ini di-jangka akan menyebabkan kadar perkembangan kegiatan² perdagangan menjadi sa-banyak 5.3%. Mengikut kadar ini, nilai tambahan

* Data² hanya bagi tahun² yang menjadi ukuran.

di-sektor perdagangan akan meningkat ka-jumlah \$1,823 juta dalam tahun 1975, berbanding dengan \$1,409 juta dalam tahun 1970. Jumlah pekerjaan di-jangka akan bertambah sa-banyak 4.3% sa-tahun, mewujudkan 79,000 pekerjaan baharu dalam tempoh tersebut (*lihat* Jadual 11-2).

JADUAL 11-2

PENGELUARAN DAN JUMLAH PEKERJAAN DALAM
PERDAGANGAN, MALAYSIA BARAT, 1970-75

	1970	1975	<i>Kadar tambahan purata tahunan</i> (%)	<i>Jumlah tambahan</i> 1971-75
Nilai tambahan (\$ juta) ...	1,409	1,823	5.3	414
Jumlah pekerjaan (000) ...	340	419	4.3	79

517. Di-Malaysia Timor, keluaran dan jumlah pekerjaan di-bidang perdagangan di-jangka akan bertambah, tetapi tidak secepat tahun² 1968-70. Dalam masa Rancangan Malaysia Kedua, kadar perkembangan pengeluaran purata ada-lah di-jangka sa-banyak 10% sa-tahun. Jumlah pekerjaan akan berkembang sa-banyak 8% sa-tahun.

518. Munchul-nya kegiatan perdagangan ada-lah di-sebabkan oleh perkembangan di-sektor² lain dan bukan pula sebak-nya. Ada-lah di-jangka bahawa dalam masa Rancangan Malaysia Kedua, tidak ada kerumitan² akan di-alami dari segi bekalan atau pengeluaran, kerana keupayaan di-sektor ini boleh di-tambah dengan senang dan segera. Perhatian akan di-beri untuk menentukan ada-nya perkhidmatan² perdagangan di-merata tempat di-negeri ini. Dasar² mengenai perkara ini telah di-binchangkan dalam Bahagian IV, Bab X. Selain dari itu, bank² perniagaan akan di-galakkan mengambil bahagian yang lebeh giat lagi dari masa² yang lalu dalam peranan mereka sebagai puncha² pinjaman kewangan untuk perusahaan, termasuk-lah bidang² pembenaan, perlombongan dan pembuatan. Dalam memainkan peranan ini, bank² akan menolong menentukan projek² yang sesuai terutama bagi kawasan² luar bandar, dan menyediakan butir² ekonomi untuk keperluan pemodal². Dasar² dan langkah² untuk memudahkan penyertaan yang lebeh besar oleh orang² Melayu dan bumi-putra² lain dalam lapangan ini telah di-binchangkan dalam Bahagian V, Bab X.

III.—PELANCHONGAN

519. Sunggoh pun pada masa ini, pelanchongan bukan-lah satu lapangan yang besar dalam ekonomi Malaysia, ia ada-lah tersangat penting untuk menchapai matlamat² pembangunan, terutama untuk mewujudkan peluang² pekerjaan. Oleh itu Kerajaan akan menggalakkan pembangunan pelanchongan dalam negeri dan antarabangsa.

1. KEMAJUAN DI-AKHIR² INI

520. Pelanchongan bagi penduduk² dan pelawat² asing di-negeri ini telah menjadi bertambah mudah di-sebabkan kemajuan² dan kerja² mengelokkan jalan² raya, keretapi, penerbangan dan pengangkutan laut, dan juga dengan meningkat-nya taraf hidup negara. Perjalanan melalui jalan² raya telah bertambah berikutan dengan pembesaran sistem jalan² raya dan lebeh ramai penduduk² yang mempunyai kereta. Panjang-nya jalan raya di-Malaysia Barat telah bertambah lebeh daripada 14% di-antara tahun 1965 dan 1970. Pendaftaran kereta telah bertambah hampir 70% dalam masa yang sama. Perjalanan melalui udara telah bertambah dengan kadar yang tinggi. Bilangan penumpang yang naik dan mendarat di-lapangan² terbang di-Malaysia Barat telah bertambah dengan kadar purata lebeh dari 16% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Faktor lain yang menyebabkan bertambah-nya perjalanan ia-lah kenaikan pendapatan *per kapita* dari kira² \$917 dalam tahun 1965 kepada \$1,080 dalam tahun 1970.

521. Perjalanan pelanchong² asing di-Malaysia telah bertambah dengan kadar yang tinggi. Bilangan pelanchong² yang sampai melalui udara dan laut telah bertambah dari 23,000 dalam tahun 1961 kepada 77,000 dalam tahun 1970, menunjukkan kadar tambahan purata sa-banyak 14.4% sa-tahun. Bilangan pelanchong² yang sampai dengan kereta dan keretapi dari Singapura dan Thailand ada-lah juga tersangat besar.

522. Di-lapangan swasta telah terdapat berbagai² kegiatan berikutan dengan ada-nya permintaan terhadap kemudahan² pelanchongan dan jangkaan tentang perkembangan bidang ini. Kegiatan² di-pehak swasta ada-lah kebanyakan-nya dalam bidang pembenaan hotel² baharu dan meninggikan mutu hotel² yang ada ka-taraf antarabangsa. Pelaboran di-bidang hotel² telah bertambah dengan banyak-nya antara tahun 1955 dan 1970, terutama sekali dalam masa dua tahun yang akhir Ranchangan Malaysia Pertama. Bilangan bilek² di-hotel² yang bertaraf antarabangsa telah bertambah dari kira² 1,900 dalam tahun 1965 kepada 6,000 dalam tahun 1970. Jumlah

pekerjaan di-hotel² besar ada-lah kira² 2,700 dalam tahun 1965 dan mencapai angka 8,000 dalam tahun 1970. Bilangan sharikat² pelanchong juga telah bertambah.

523. Kerajaan telah memainkan peranan penting dalam perkembangan perusahaan pelanchongan di-pertengahan tahun 1969 dengan mengadakan galakan² terhadap pembenaan dan usaha² meninggikan mutu hotel². Hotel² yang di-luluskan telah di-tawarkan taraf perintis atau pun pengechualian chukai pendapatan sebanyak yang di-tentukan mengikut tempat² hotel² tersebut di-dirikan. Kerajaan juga telah mengumumkan dasar “angkasa terbuka” yang memberi kemudahan² liberal kepada sharikat² penerbangan yang hendak mendarat, selain dari menggalakkan penerbangan sewa khas datang ka-negeri ini. Pada awal tahun 1971, Kerajaan telah mengechualikan sa-bahagian daripada chukai impot kereta² yang berhawa dingin sebagai satu galakan kepada pelanchongan tempatan dan sharikat² pelanchong.

2. KEMAJUAN PELANCHONGAN

524. Kemungkinan untuk memajukan perusahaan pelanchongan di-Malaysia ada-lah baik. Kenderaan² dan kemudahan² untuk perjalanan bagi penduduk² tempatan dan pelanchong² dari luar negeri akan bertambah dengan berkembang-nya ekonomi dan bertambah banyak lagi daya² penarek untuk pelanchong. Taraf hidup negara yang meningkat akan juga menggalakkan perkembangan lapangan ini.

525. Tambahan bilangan pelanchong antarabangsa yang akan datang ka-Malaysia ada-lah bergantung terutama-nya kepada bertambah-nya jumlah pelanchong² yang datang ka-kawasan Pacific. Jumlah pelanchong yang datang ka-Kawasan Selatan Pasifik dan Oceania ada-lah di-anggarkan bertambah dengan banyak dalam tahun² tujuh pulohan dan lapan pulohan. Sa-perkara lagi yang boleh menggalakkan pelanchong² datang ka-Malaysia ia-lah Bengkel Kerja dan Persidangan Persatuan Pengembara Kawasan Pacific yang akan di-adakan di-Malaysia dalam tahun 1972. Adalah di-anggarkan bahawa menjelang tahun 1975 lebeh daripada 170,000 orang pelanchong akan datang ka-Malaysia melalui udara dan laut. Ini merupakan perkembangan purata sa-banyak 17% sa-tahun dalam masa Rancangan Malaysia Kedua berbanding dengan 13.7% sa-tahun dalam tahun² 1966-70.

526. Bilangan pelanchong² yang semakin ramai ka-Malaysia akan memberi galakan yang kuat kepada pehak swasta untuk menambahkan pelaboran, bukan sahaja dalam bidang menyediakan kemudahan² tempat menginap,

tetapi juga projek² pelanchongan yang tertentu. Projek² yang utama ia-lah di-Perak (Bukit Maxwell dan Pulau Pangkor), Selangor (Mimaland di-Kuala Lumpur), Pahang (Genting Highlands) dan Johor (Skudai).

527. Kegiatan² sektor awam di-bidang pelanchongan dalam masa Rancangan Malaysia Kedua akan menampung kegiatan² pehak swasta. Beberapa buah projek akan di-selenggarakan. Projek² ini termasuk-lah pembenaan sa-buah motel di-Trengganu (Rantau Abang, Dungun), mengadakan kemudahan² di-Taman Templer, mendirikan pusat² penerangan pelanchongan di-Pelabuhan Swettenham dan Kuala Lumpur dan projek² bagi memajukan lagi Batu Caves, Pulau Tioman (Pahang) dan Bukit Nanas di-Kuala Lumpur. Kerajaan² Negeri akan juga melaksanakan berbagai² projek dengan tujuan menggalakkan perkembangan pelanchongan dalam negeri dan wilayah.

528. Pembangunan perusahaan pelanchongan akan memerlukan lebeh ramai lagi kakitangan yang layak dan mahir, terutama di-hotel² dan restoran². Untuk memenuhi keperluan² ini, Kerajaan akan mendirikan sa-buah sekolah bagi melateh kakitangan untuk restoran² dan hotel².

3. DASAR PELANCHONGAN

529. Kerajaan akan mengambil bahagian yang chergas untuk menggalakkan pembangunan yang lebeh pesat dalam perusahaan pelanchongan. Terutama-nya, Kerajaan akan menggalakkan:

- (i) ranchangan² untuk mengadakan tempat² dan kemudahan² pelanchongan yang membolehkan "lawatan berkeliling" bagi tiap² Negeri, supaya pelanchong² dalam negeri dapat di-galakkan melawat tempat² tertentu lebeh lama lagi dalam masa kelepasan masing²;
- (ii) ranchangan² bagi mengadakan tempat² dan kemudahan² pelanchongan di-sepanjang jalan² raya yang besar, untuk pelanchong² serantau dan tempatan;
- (iii) ranchangan² untuk memajukan tempat² dan kemudahan² pelanchongan meliputi kawasan² utara dan selatan Malaysia Barat, dengan tujuan untuk menggalakkan perjalanan pelanchong² serantau dan antarabangsa. Galakkan² itu ada-lah berupa lawatan² dengan menggunakan pengangkutan udara dan darat mengikut haluan yang berupa "angka lapan"; dan

- (iv) perjalanan dengan pengangkutan udara melalui Sabah dan Sarawak dan “lawatan berkeliling” dalam tiap² negeri untuk pelanchong² tempatan dan antarabangsa.

530. Strateji untuk pembangunan perusahaan pelanchongan ada-lah berdasarkan usaha² untuk mengambil faedah daripada chorak perjalanan yang ada dengan mengadakan tempat² pelanchongan di-kawasan² yang telah di-majukan dan juga kawasan² yang sedang di-majukan di-semua negeri² di-Malaysia. Tujuan-nya ia-lah untuk menarek aliran pelanchong² dari Australia dan New Zealand yang merentas Asia ka-Eropah, dan aliran lain dari Amerika yang merentas Pasifik ka-Jepun dan Pasifik Barat.

531. Kerajaan akan terus mengkaji kemungkinan² pelanchongan dan terus memajukan perkembangan perusahaan ini. Kerajaan juga akan menchari strateji bagi mendorong perkembangan perusahaan ini dengan lebih berkesan. Usaha² ini termasuk-lah penubohan Pejabat² Penggalakan Pelanchongan Seberang Laut. Satu Perbadanan Pelanchongan yang baharu di-tubuhkan akan mementingkan usaha² menyelaras perkembangan perusahaan ini, bukan sahaja di-kalangan sektor awam (di-antara Kerajaan² Persekutuan dan Negeri) bahkan juga antara sektor² awam dan swasta. Bagi menjamin penyertaan yang sa-imbang oleh semua kaum, Perbadanan ini akan menjalankan projek² pelanchongan, menggalakkan projek² sektor swasta dan mungkin menyertai usaha² bersama. Perbadanan ini di-jadualkan bertugas dengan sepenoh-nya dalam tahun 1972.

532. Ranchangan² membesarkan lapangan² terbang serta penubohan sharikat penerbangan negara—Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad—akan dapat mengadakan perhubungan yang baik bagi memudahkan pelanchong² antarabangsa dan rantau ini melawat Malaysia, melalui Kota Kinabalu, sebagai “pintu masok” di-sebelah timur, dan melalui Pulau Pinang sebagai “pintu masok” di-sebelah barat. Ini akan dapat menarek aliran pelanchongan² serantau ka-negeri ini. Juga, melalui perkhidmatan udara yang di-perlukan, usaha² ini akan dapat menggalakkan lagi perkembangan pelanchongan dalam negeri.

IV.—PERLOMBONGAN

533. Kegiatan² perlombongan yang besar ia-lah bijeh timah, besi, boksait dan minyak mentah. Keluaran bijeh² amang dan mangganis tidak begitu penting. Dari segi nilai tambahan, gunatenaga dan wang tukaran asing, bijeh timah ada-lah merupakan bahan galian yang terpenting sekali.

1. KEMAJUAN DI-AKHIR² INI

534. Nilai tambahan perlombongan di-Malaysia Barat ada-lah berjumlah \$301 juta dalam tahun 1960 dan \$556 juta dalam tahun 1970. Pada tahun 1965, perusahaan ini telah menchapai nilai tambahan yang tertinggi sa-banyak \$587 juta, yang pernah di-chapai. Keluaran bijeh timah padat telah mengalami tambahan terus menerus semenjak tahun 1959, melebihi rekod keluaran selepas perang sa-banyak 75,069 tan dalam tahun 1968. Selepas tahun tersebut keluaran-nya di-dapati kurang dan terus turun kapada 72,630 tan dalam tahun 1970. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, Malaysia telah mengeluarkan kira² 72,200 tan bijeh timah sa-tahun, berbanding dengan kira² 60,000 tan sa-tahun dalam tempoh Ranchangan yang terdahulu. Keluaran bijeh besi telah mula turun selepas tahun 1965, daripada 6.8 juta tan dalam tahun tersebut kapada 4.4 juta tan dalam tahun 1970. Keluaran boksait telah bertambah sa-banyak 2.8% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama.

535. Bilangan pekerjaan dalam lapangan perlombongan telah menchapai kemunchak-nya dalam tahun 1967 apabila lebeh daripada 68,000 orang telah terlibat di-dalam berbagai² kegiatan perlombongan dan kuari. Dari angka ini lebeh daripada 58,000 telah terlibat dalam perlombongan bijeh timah dan 5,500 dalam perlombongan bijeh besi. Walau pun pada masa itu kurang 2.5% daripada tenaga buroh yang bekerja ada-lah terlibat di-dalam perlombongan dan hanya 7% daripada KDNK berasal dari lapangan ini, lebeh daripada 30% daripada nilai eksport ada-lah keluaran bahan² galian. Dalam pertengahan tahun 1970, bilangan pekerjaan telah menchapai sa-banyak 64,000, jumlah keluaran pula ada-lah sa-banyak 6.5% daripada KDNK dan eksport bahan² galian merupakan 29% daripada pendapatan eksport. Dalam tempoh akhir Ranchangan Malaysia Pertama, nilai tambahan dalam lapangan perlombongan telah bertambah, sementara bilangan pekerjaan telah berkurangan.

536. *Bijeh Timah.* Pengeluaran bijeh timah telah bertambah dari 63,670 tan dalam tahun 1965 kapada punchak keluaran sa-banyak 75,069 tan dalam tahun 1968, dan selepas itu keluaran telah turun sedikit. Kadar keluaran purata tahunan yang tinggi ini ada-lah di-sebabkan antara lain oleh kenaikan paras harga purata yang paling pesat mulaï tahun 1964. Berikutan dengan paras harga yang tinggi ini, bilangan lombong² yang menggunakan pam² palong telah bertambah sa-jumlah 400 di-antara tahun² 1964 dan 1966. Ini menyebabkan bahagian pengeluaran bagi lombong² pam berpalong bertambah dari 34.3% dalam tahun 1960 kapada 55.2% dalam tahun 1970. Sementara itu, hasil pengeluaran kapal² korek telah kurang dari 53.9%

kapada 32.4% dalam tempoh yang sama. Perlombongan dengan menggunakan kapal korek telah menjadi kurang penting di-sebabkan oleh kekurangan bahan² galian di-kawasan² yang di-kerjakan.

537. Dalam masa sa-puluh tahun yang lepas, jumlah eksport bijeh timah telah turun-naik dari sa-tahun ka-satahun. Keluaran² yang paling rendah ada-lah sa-banyak 71,663 tan dalam tahun 1964 dan yang paling tinggi ada-lah 91,000 tan dalam tahun 1970. Sa-bahagian besar dari keadaan turun-naik ini ada-lah di-sebabkan oleh kemasokan bijeh timah padat yang tidak tetap dari negara² jiran ka-Malaysia untok di-lebor dan di-eksport sa-mula. Impot bijeh timah padat dari Thailand telah terhenti sejak tahun 1966. Sebalek-nya, impot bijeh timah padat dari Indonesia untok di-leborkan telah bermula sa-mula sejak tahun 1968.

538. *Bijeh Besi.* Dalam tempoh tahun² 1960-70, pengeluaran bijeh besi telah menchapai kemunchak keluaran sa-banyak 7.2 juta tan dalam tahun 1963 dan turun kapada 4.4 juta tan dalam tahun 1970. Pada akhir tahun 1970, dua daripada lombong besi yang terbesar, ia-itu di-Rompin dan Dungun, telah di-tutup. Pendapatan tukaran wang asing dari eksport bijeh besi telah turun kapada \$106 juta dalam tahun 1970, ia-itu pendapatan yang paling rendah sejak tahun 1959. Bilangan pekerjaan ada-lah kurang daripada 1,000, berbanding dengan 9,700 dalam tahun 1962 dan lebeh dari 5,500 dalam tahun 1967.

539. *Boksait.* Dalam tempoh sa-puluh tahun yang lalu, pengeluaran boksait telah bertambah sa-banyak satu setengah kali, ia-itu dari 451,958 tan dalam tahun 1960 ka-punchak keluaran sa-banyak 1,121,318 tan dalam tahun 1970, walau pun Lombong Simantan di-Sarawak telah di-tutup di-sebabkan kehabisan bahan ini dalam tahun 1966. Akan tetapi, kadar perkembangan purata tahunan sa-banyak 5.9% dalam tahun² 1966-70 ada-lah terlalu rendah daripada kadar sa-banyak 13.3% bagi tahun² 1961-65. Dalam tahun 1970 ada tiga buah lombong di-usahakan. Tambahan keluaran yang besar ini, terutama-nya di-sebabkan perkembangan tingkatan pengeluaran lombong² di-Malaysia Barat dalam masa lima tahun yang kedua tahun² enam-pulohan. Jumlah dan nilai eksport telah mengikut chorak yang sama. Pendapatan tukaran wang asing dari eksport boksait telah melebehi \$18 juta dalam tahun 1970, berbanding dengan \$11 juta dalam tahun 1961. Bilangan pekerjaan telah bertambah dari 256 dalam tahun 1963 kapada 630 dalam tahun 1970.

JADUAL 11-3

PENGELUARAN DAN PEKERJAAN DALAM
PERLOMBONGAN, 1960-70

				<i>Malaysia Barat</i>		<i>Malaysia Timor</i>
				<i>Nilai tambahan</i> (\$ juta)	<i>Pekerjaan*</i> (000)	<i>Nilai tambahan</i> (\$ juta)
1960	301	—	—
1961	371	—	—
1962	385	56	—
1963	415	—	—
1964	528	—	—
1965	587	66	—
1966	541	—	—
1967	520	68	10
1968	504	—	12
1969	530	—	21
1970	556	64	27
<i>1966-70:</i>						
Kadar tambahan purata						
tahunan (%)	-1.1	-0.6	—
Jumlah tambahan				- 31	- 2	—

540. *Petrol belum bertapis.* Pada masa ini semua pengeluaran minyak belum bertapis berasal dari Malaysia Timor. Keluaran ada-lah di-dapati kurang daripada 60,000 tan dalam tahun 1960, dan terus beransor turun kepada 45,000 tan dalam tahun 1967. Tetapi, kemudian-nya keluaran telah bertambah dengan chepat-nya dan menchapai hingga 433,000 tan dalam tahun 1969 dan 845,000 tan dalam tahun 1970. Tambahan keluaran yang banyak ini ada-lah di-sebabkan terjumpa-nya satu kawasan minyak di-perayeran pantai di-Lutong Barat, Sarawak, yang telah di-usahakan.

2. KEMAJUAN SEKTOR PERLOMBONGAN

541. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua, aliran yang di-alami dalam masa² yang lepas akan berterusan. Pengeluaran bijeh² timah dan besi akan menjadi kurang. Keluaran² bijeh timah di-jangka berjumlah

* Data² yang ada hanya untuk tahun² kajian dan tahun² yang menjadi ukuran.

hanya 70,000 tan, sementara bijeh besi hanya 1.4 juta tan pada tahun 1975. Walau bagaimana pun, keluaran minyak belum bertapis mungkin bertambah dengan banyak-nya, jika kawasan² minyak baharu di-jumpai pada awal tempoh Ranchangan ini.

542. Pengeluaran bijeh timah di-kawasan perayeran pantai dan di-kawasan² tanah Simpanan Melayu di-jangka tidak akan memberi sumbangan yang besar bagi menampung kekurangan pengeluaran dalam tempoh tersebut. Walau bagaimana pun, pengeluaran ini mungkin dapat memberi sumbangan yang lebeh berkesan selepas tahun 1975.

543. Paras pengeluaran bijeh timah pada 'am-nya juga akan bergantung kepada paras harga yang berpatutan dan setabil dalam tempoh ini. Kerajaan akan terus menyertai Perjanjian Bijeh Timah Antarabangsa, yang membolehkan tindakan di-peringkat antarabangsa di-ambil bagi menyetabilkan harga bijeh timah pada paras yang menguntungkan. Perjanjian Bijeh Timah Antarabangsa yang Ke-Empat akan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1971, ia-itu setelah tamat-nya Perjanjian yang ada sekarang. Perjanjian² ini akan menjamin kesetabilan harga bijeh timah dalam satu lengkongan harga yang di-persetujui; ini di-jalankan dengan dua chara, ia-itu dengan setok penimbal dan kawalan eksport. Dengan perjanjian ini, perlombongan di-Malaysia di-beri jaminan sekurang²-nya paras harga minima, sebagaimana yang di-tetapkan dalam Perjanjian tersebut. Dengan ini perlombong² dapat meranchang pelaboran mereka tanpa keraguan dan ini akan menggalakkan pembangunan perusahaan bijeh timah yang terator di-negara ini.

544. Bilangan pekerjaan dalam sektor perlombongan yang di-anggarkan berjumlah 64,000 dalam tahun 1970 di-jangka akan terus berkurangan hingga kira² 60,000 menjelang akhir tempoh Ranchangan ini. Kekurangan ini di-sebabkan terutama sekali oleh penutupan lombong² besi.

545. Di-Malaysia Barat bahagian KDNK yang berasal dari sektor perlombongan di-jangka akan kurang dari \$556 juta dalam tahun 1970 kepada \$484 juta dalam tahun 1975, ia-itu kekurangan kira² 13%. Walau pun pengeluaran dan bilangan pekerjaan di-jangkakan akan kurang, pehak swasta di-jangka akan membuat pelaboran berjumlah \$300 juta di-Malaysia Barat melalui pembukaan lombong² baharu, penyiasatan di-perayeran pantai dan kegiatan² yang lain untok menchari bijeh.

546. Lombong tembaga yang baharu di-Sabah di-jangkakan akan mula memberi hasil dalam tahun² penghujung Ranchangan ini. Sementara itu ada kemungkinan arang batu, timah hitam dan timah sari akan di-jumpai dan di-lombong sebelum akhir tempoh Ranchangan ini. Kerajaan Persekutuan bersama² dengan Kerajaan² Negeri akan mengambil segala langkah yang perlu untuk menggalakkan usaha² menchari bahan² galian dengan lebeh sempurna dan bersungguh².

547. Masa hadapan perusahaan minyak petrol ada-lah menggalakkan. Dalam tahun 1970, lima sharikat minyak yang telah di-berikan hak menchari simpanan minyak di-kawasan perayeran Malaysia, berdekatan dengan Sabah dan Sarawak, telah pun menjalankan kegiatan² penyiasatan mereka dengan bersungguh². Penyiasatan di-dua kawasan yang telah di-pajak di-Pantai Timor Malaysia Barat telah juga di-mulakan. Selain daripada itu, sa-buah sharikat minyak telah di-berikan hak untuk membuat penyiasatan di-kawasan perayeran Malaysia di-Selat Melaka dalam bulan Januari 1971. Sharikat² lain juga telah menunjukkan keinginan mereka untuk menyiasat kawasan ini.

548. Hak milek orang² Melayu dalam perusahaan perlombongan, seperti dalam perusahaan² lain, ada-lah sangat sedikit. Dari jumlah saham modal sharikat² berhad dalam perusahaan melombong pada tahun 1969, hanya 2.4% sahaja yang di-mileki oleh orang² Melayu sementara 33.5% di-mileki oleh ra'ayat Malaysia yang lain dan 64.1% oleh orang² asing. Dalam perusahaan² perlombongan yang lain, lebeh dari 70% saham²-nya ada-lah di-punyaï oleh orang asing.

549. Dari segi pekerjaan pula, hanya 21.4% daripada pekerja² lombong dalam tahun 1967 terdiri dari orang² Melayu, sementara 67.2% terdiri dari orang² China dan 10.3% orang² India.

550. Kebanyakan pekerja² dalam perusahaan perlombongan bijeh besi, ia-itu satu perusahaan yang tidak begitu penting, ada-lah orang² Melayu. Dalam perusahaan perlombongan bijeh timah kira² separoh daripada pekerja² kapal korek ada-lah Melayu, sementara sa-bahagian besar dari pekerja² pam palong terdiri dari orang² China.

551. Langkah² untuk menggalakkan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam sektor perlombongan ada-lah di-terangkan dalam Bahagian V, Bab X, yang membinchangkan usaha² bagi mewujudkan satu masharakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu.

V.—PEMBENAAN

552. Pembinaan adalah satu sektor yang penting kerana terlibatnya dengan secara langsung dalam pembentokan modal tetap. Sektor ini juga memberi sumbangan² tertentu kepada sektor² lain dengan mewujudkan harta² tetap yang menjadi asas untuk menghasilkan keluaran, pendapatan, dan pekerjaan.

553. Ta'arif pembinaan meliputi kerja² membina rumah² kediaman dan bangunan² yang lain serta kerja² pembinaan kejuruteraan seperti jalan² raya, jambatan² dan tali²ayer. Pembinaan juga meliputi kerja² membaiki dan memasang.

2. KEMAJUAN DI-AKHIR² INI

554. Nilai tambahan lapangan pembinaan di-Malaysia Barat telah berkembang dengan kadar purata sa-banyak 8.2% sa-tahun dari tahun² 1960 hingga 1970. Kadar perkembangan ini adalah lebih tinggi dalam masa lima tahun yang pertama tempoh tersebut, apabila nilai tambahan telah meningkat dengan kadar purata sa-banyak 12.5% sa-tahun. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama, nilai tambahan sektor ini telah bertambah dengan kadar 4.1%, jika di-banding dengan kadar perkembangan yang di-jangkakan sa-banyak 8%. Sumbangan pembinaan terhadap KDNK kekal pada kadar 4% masa tempoh 1966-70. Aliran kadar perkembangan nilai tambahan yang kurang sempurna ini adalah, pada 'am-nya, di-sebabkan kelewatan pelaburan di-lakukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama, ia-itu berbeza daripada keadaan dalam tempoh² yang sebelum-nya. Yang paling penting ia-lah penanggoan atau kelambatan projek² pembinaan sektor awam di-laksanakan, mithal-nya rancangan² pembinaan jalan² raya dan sekolah².

555. Anggaran jumlah pekerjaan bagi sektor ini untuk tahun² 1962, 1965, 1967 dan 1970, adalah seperti di-nyatakan dalam Jadual 11-4. Kadar tambahan purata pekerjaan di-Malaysia Barat ia-lah kira² 2.7% sa-tahun dalam tempoh 1966-70. Kadar yang rendah ini adalah di-sebabkan oleh jatoh-nya kadar perkembangan nilai tambahan, yang di-sebabkan pula oleh kurang-nya perkembangan pelaburan. Jadual ini juga menunjukkan data² bagi Malaysia Timor. Anggaran² ini menunjukkan bahawa pelaburan dalam lapangan pembinaan telah meningkat dari \$128 juta dalam tahun 1967 kepada \$173 juta dalam tahun 1970, sambil nilai tambahan telah meningkat dari \$54 juta kepada \$71 juta dalam tempoh yang sama.

JADUAL 11-4

PELABORAN, PENGELUARAN DAN PEKERJAAN DI-SEKTOR
PEMBENAAN, 1960-70

			<i>Malaysia Barat</i>			<i>Malaysia Timor*</i>		
			<i>Pelaboran untuk bangunan dan pembinaan</i>	<i>Nilai tambahan</i>	<i>Pekerjaan†</i>	<i>Pelaboran untuk bangunan dan pembinaan</i>	<i>Nilai tambahan</i>	
			(\$ juta)	(\$ juta)	(000)	(\$ juta)	(\$ juta)	
1960	291	149	—	—	—	
1961	351	173	—	—	—	
1962	465	214	82	—	—	
1963	530	236	—	—	—	
1964	543	250	—	—	—	
1965	592	269	90	—	—	
1966	593	274	—	—	—	
1967	662	289	95	128	54	
1968	708	308	—	136	61	
1969	728	318	—	166	76	
1970	755	329	103	173	71	
<i>1966-70:</i>								
Kadar tambahan purata tahunan (%)			5.0	4.1	2.7	10.6‡	9.6‡	
Jumlah tambahan			163	60	13	—	—	

2. KEMAJUAN SEKTOR PEMBENAAN

556. Pembinaan ada-lah satu kegiatan yang banyak menggunakan tenaga buroh. Ia juga menggunakan lebeh banyak bahan² mentah dalam negeri daripada kebanyakan kegiatan² pelaboran yang lain. Dalam tahun² enam-pulohan, kira² 70% daripada kegunaan bahan² mentah-nya ada-lah dari puncha² dalam negeri. Ada kemungkinan besar bagi perusahaan ini memperluaskan kegiatan²-nya melalui ranchangan² perumahan awam dan projek² pembinaan yang lain di-seluruh Malaysia dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua.

* Data chuma ada untuk tempoh 1967-70.

† Data chuma ada untuk tahun² Kajian dan tahun² yang menjadi ukuran.

‡ 1968-70.

557. Sa-bahagian besar dari kegiatan² di-lapangan pembenaan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua akan di-tentukan oleh matlamat² pelaboran yang telah di-tetapkan dalam Bab² yang terdahulu. Berdasarkan kenyataan ini, kadar perkembangan perusahaan pembenaan ada-lah di-jangkakan sa-banyak 8.6% dari segi pelaboran dan 9.3% bagi nilai tambahan. Kadar nilai tambahan ini ada-lah lebeh tinggi daripada kadar perkembangan KDNK, dan dengan itu sumbangan pembenaan kepada KDNK Malaysia Barat akan meningkat naik dalam tempoh Ranchangan. Anggaran² ini di-nyatakan dalam Jadual 11-5.

JADUAL 11-5

PELABORAN, PENGELUARAN DAN PEKERJAAN DI-SEKTOR
PEMBENAAN, 1971-75

	1970 (sementara)	1975 (matlamat)	Kadar tambahan purata tahunan (%)
<i>Malaysia</i>			
Pelaboran untok perusahaan pembenaan (\$ juta)	928	1,423	8.9
Nilai timbahan (\$ juta)	400	626	9.4
<i>Malaysia Barat</i>			
Pelaboran untok perusahaan pembenaan (\$ juta)	755	1,140	8.6
Nilai tambahan (\$ juta)	329	513	9.3
Pekerjaan (000)	103	133	5.2
<i>Malaysia Timor</i>			
Pelaboran untok perusahaan pembenaan (\$ juta)	173	283	10.3
Nilai tambahan (\$ juta)	71	113	9.7

558. Anggaran² untok Malaysia Timor ada-lah di-buat dengan chara yang sama. Kadar perkembangan yang di-jangkakan bagi Malaysia Timor ada-lah lebeh tinggi daripada kadar bagi Malaysia Barat, sebagai di-bentangkan dalam Jadual 11-5. Bagi seluroh Malaysia, pelaboran sektor pembenaan di-jangka bertambah dengan kadar 8.9% sa-tahun, dan nilai tambahan sa-kadar 9.4% sa-tahun dalam tempoh Ranchangan.

3. DASAR² PEMBENAAN

559. Berbagai langkah baharu akan di-ambil untok mempercepatkan berjenis² kegiatan pembenaan. Oleh kerana pembenaan tempat² kediaman merupakan bahagian yang penting bagi sektor ini, langkah² akan di-ambil bagi membiayaï dengan lebeh berkesan pembenaan rumah² kediaman

persendirian dengan menggunakan tabongan sektor swasta yang banyak serta menentukan bahawa chara² yang sesuai, lebeh² lagi teknik² yang akan menambah bilangan pekerjaan, akan di-gunakan.

560. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua, Kerajaan akan membanyakkan ranchangan² perumahan awam dan melaksanakan satu ranchangan rumah² untuk di-mileki oleh semua peringkat kakitangan Kerajaan. Ranchangan sektor awam yang luas ini juga akan menambahkan lagi perbelanjaan untuk pembenaan bangunan² awam, jalan² raya, pelabohan² dan kemudahan² awam yang lain. Ranchangan pembenaan ini akan memberi sumbangan bagi menchapai tujuan untuk membasmi kemiskinan dengan meninggikan tingkat pendapatan serta menambah peluang² pekerjaan.

561. Kerajaan juga akan menggalakkan bank² perdagangan supaya lebeh bergiat dengan memberi pinjaman² bagi maksud² perusahaan dan juga dalam pembelian gadai. Sharikat Kawasan² Perusahaan Sendirian Berhad akan meneruskan dasar-nya mengenai pembenaan kilang² di-kawasan² perusahaan dan menjualkan serta menyewakan-nya kepada pehak² swasta.

562. Dalam tempoh 1957-67, peratus pekerja² Melayu daripada jumlah pekerjaan dalam perusahaan pembenaan telah turun daripada kira² satu pertiga kepada kira² suku dari jumlah pekerjaan sektor ini, dan ini di-anggarkan telah tidak berubah dalam tahun 1970.

563. Kebanyakan daripada kontrektor² pembenaan Melayu menjalankan kerja² mereka sechara kechil. Kerajaan telah mengambil berbagai² langkah bagi menambah penyertaan orang² Melayu dalam sektor ini. Mithal-nya, kontrek² bagi kerja² membaiki dan menyelenggara yang bernilai kurang daripada \$10,000 biasa-nya di-khaskan untuk orang² Melayu. Walau pun begitu, nilai semua kerja² kontrek yang di-jalankan oleh kontrektor² Melayu ada-lah maseh sangat sedikit berbanding dengan kerja² yang di-jalankan oleh kontrektor² bukan Melayu dan kontrektor² asing. Langkah² untuk menambah penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam pembenaan di-binchangkan dalam Bab X.

VI.—PERUNTOKAN SEKTOR AWAM UNTUK KEMAJUAN PERUSAHAAN DAN PERDAGANGAN

564. Peruntokan untuk kemajuan perusahaan dan perdagangan sa-banyak \$584 juta dalam Ranchangan Malaysia Kedua, berbanding dengan jumlah \$142 juta yang di-buat dalam Ranchangan Malaysia Pertama, menunjukkan peranan sektor awam yang lebeh chergas dalam kedua² bidang ini.

Perbelanjaan sektor awam ini di-harapkan dapat menarek lebeh banyak lagi ranchangan² pelaboran melalui penarekan dan penyertaan modal dari pehak swasta, termasuk orang² Melayu, untuk memajukan sektor² ini.

565. Butir² lanjut mengenai peruntokan sektor awam bagi memajukan perusahaan dan perdagangan boleh di-dapati dalam Jadual 11-6. Perenggan² berikut membinchangkan badan² tertentu yang bertanggungjawab untuk memajukan sektor ini dan menerangkan hal² penting mengenai ranchangan² mereka :

- (i) *MARA* telah di-tubuhkan dalam tahun 1966, bertujuan untuk menggalak dan membanyakkan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dalam kegiatan² perdagangan dan perusahaan. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, Bahagian Perusahaan dan Perdagangan *MARA* akan mengutamakan penyertaannya dengan sechara langsung dalam kegiatan² perusahaan dan perdagangan tertentu. Projek² baharu yang akan di-jalankan dalam masa Ranchangan ini termasuk-lah pembenaan kilang² memproses ubikayu, mengetin buah²an, mengilang kayu balak dan satu kompleks gabungan kilang² kelapa dan makanan² yang di-buat dari ikan dan minyak ikan. Projek² perusahaan bersama termasuk-lah pembenaan sa-buah hotel kelas satu, dan sa-buah kilang gabus dan kertas. Untuk membolehkan *MARA* menjalankan projek² perusahaan dan perdagangan ini, sa-jumlah \$73 juta ada-lah diperuntokkan. Jumlah ini termasuk peruntokan bagi Amanah Saham *MARA* supaya dapat ia menjalankan peranannya dengan lebeh giat lagi, terutama-nya bagi mengumpulkan tabongan² orang Melayu dan bumiputra² yang lain yang di-simpan di-rumah supaya di-gunakan untuk membeli saham² sharikat² perniagaan. Ranchangan² latehan *MARA* juga penting dari segi mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain. Jumlah peruntokan untuk ranchangan latehan *MARA* ia-lah sa-banyak \$85 juta.
- (ii) *PERNAS* telah di-tubuhkan sebagai satu sharikat persendirian berhad dengan tujuan memperchepatkan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain di-bidang kegiatan² moden. Selain dari penubohan sharikat pembenaan, saperti yang di-nyatakan dalam Bab X, *PERNAS* akan menjalankan berbagai² kegiatan di-bidang² perusahaan dan perdagangan. Kegiatan² ini termasuk-lah projek² yang berkaitan dengan kayu-kayan, melombong, perusahaan² kimia dan perniagaan² borong dan runchit. Banyak daripada pelaboran² yang di-buat oleh *PERNAS* ada-lah merupakan perusahaan

bersama dengan tujuan menjamin tercapainya kejayaan dan penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dengan lebeh berkesan. Dalam Rancangan Malaysia Kedua peruntukan Kerajaan bagi PERNAS ada-lah sa-banyak \$100 juta.

- (iii) *Lembaga Pembangunan Bandar (LPB)*, yang di-binchangkan di-perenggan 502, akan menerima peruntukan sa-banyak \$100 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua. Lembaga ini juga akan menggunakan modal dari bank² perniagaan dan pucha² swasta yang lain dengan tujuan melaksanakan tugas pembaharuan dan pembangunan bandar² dengan menggunakan chara² yang dapat menjamin penyertaan orang² Melayu dan bumiputra² yang lain dengan lebeh giat lagi di-bidang kegiatan² bandar².
- (iv) *Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (SPKPM)* ia-lah sa-buah sharikat persendirian di-bentok dengan tujuan membantu kemajuan perusahaan pembuatan di-negeri ini. Sebagai di-nyatakan, kegiatan²-nya akan di-perluaskan, termasuklah memberikan perhatian khas kepada perusahaan² kecil dan penempatan perusahaan² di-kawasan² yang kurang maju. Peruntukan dari Kerajaan untuk SPKPM ada-lah berjumlah sa-banyak \$100 juta.
- (v) Peruntukan sa-banyak \$45.6 juta telah juga di-buat untuk *PKEN*². Peruntukan ini akan di-gunakan untuk berbagai² jenis kegiatan termasuklah perumahan, perusahaan² mengilang, kegiatan² perdagangan dan juga pembangunan kawasan² perusahaan.
- (vi) *Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP)*, *Institusi Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan (INPSP)*, *Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN)* dan *Pusat Piawai Malaysia (PPM)* ada-lah merupakan badan² yang akan memainkan peranan penting bagi menchapai tujuan² Rancangan. Kegiatan² mereka termasuklah menjalankan kajian² kemungkinan, penyelidikan mengenai teknologi perusahaan dan mengadakan ranchangan² latehan. Kegiatan² ini akan dapat menolong memajukan perdagangan dan perusahaan, terutama sekali mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perusahaan di-kalangan orang² Melayu.
- (vii) Peruntukan juga di-buat untuk membolehkan penyertaan Kerajaan dalam kegiatan² yang berchorak ekonomi, seperti Sharikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia, Sharikat Malayan Banking dan Sharikat Batik dan Pertukangan Tangan.

JADUAL 11-6

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM UNTUK PERDAGANGAN,
PERUSAHAAN DAN PELANCHONGAN 1966-75

(\$ juta)

	Anggaran Perbelanjaan, 1966-70			Peruntukan, 1971-75				
	Malaysia Barat	Sabah	Sarawak	Jumlah	Malaysia Barat	Sabah	Sarawak	Jumlah
PERNAS	10.0	—	—	10.0	100.0	—	—	100.0
MARA	50.9	—	—	50.9	73.0	—	—	73.0
PKEN ²	—	—	—	—	45.6	—	—	45.6
Kawasan ² perusahaan	19.3	1.9	2.4	23.6	4.4	12.8	6.3	23.5
LPB	—	—	—	—	100.0	—	—	100.0
SPKPM	16.0	—	—	16.0	100.0	—	—	100.0
Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia	2.6	—	—	2.6	35.0	—	—	35.0
Sharikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia	10.1	—	—	10.1	46.0	—	—	46.0
Penyertaan dalam kegiatan ² ekonomi yang lain:								
(a) Sharikat Malaysia Explosive Berhad	0.8	—	—	0.8	2.7	—	—	2.7
(b) Kilang Nenas Tanah Melayu	2.0	—	—	2.0	7.0	—	—	7.0
(c) Malayawata	4.5	—	—	4.5	—	—	—	—
(d) Sharikat Malayan Banking	—	—	—	—	33.7	—	—	33.7
(e) Sharikat Batek dan Pertukangan Tangan Berhad	—	—	—	—	1.6	—	—	1.6
(f) Bank Pembangunan (baharu)	—	—	—	—	(10)*	—	—	(10)*

Pelanchongan	0.4	—	—	0.4	10.0	—	—	10.0
INPSP, PPM, PDPN	0.3	—	—	0.3	5.5	—	—	5.5
Lembaga Kemajuan Perusahaan Per- sekutuan	3.4	—	—	3.4	(10)*	—	—	(10)*
Lain ²	16.7	—	—	16.7	—	—	—	—
Jabatan ² Galian dan Kajibumi	0.4	0.3	—	0.7	0.5	0.2	—	0.7
JUMLAH	137.4	2.2	2.4	142.0	565.0	13.0	6.3	584.3

* Peruntokan tanah bersyaratkan kepada penyediaan projek².